

PENGARUH ALAM SEMULA JADI DALAM TRADISI BERTATU IBAN

The Influence of Nature in Iban Tattoo Tradition

Mohammad Sufiyan Osman¹

Adilawati Asri²

Noria Tugang³

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif,

Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Jalan Datuk Muhammad Musa, 94300 Kota Samarahan, Sarawak

¹*alfiyanosman@gmail.com*

²*adila25784@gmail.com*

³*tnoria@unimas.my*

Dihantar:28 Sept. 2024 / Diterima:11 Sept. 2024 / Terbit:31 Disember 2024

Abstrak

Tradisi bertatu adalah merupakan komponen yang penting dalam kebudayaan masyarakat Iban di Sarawak, terutamanya dalam mencitrakan identiti bangsa. Sifatnya yang berfungsi sebagai tradisi yang digunakan dalam kehidupan seharian mereka. Kajian ini adalah bertujuan untuk membincangkan pengaruh alam semula jadi dalam kebudayaan masyarakat Iban terutamanya dalam tradisi bertatu yang menjadi budaya mereka sejak turun-temurun. Fokus kajian ini adalah membincangkan dan menilai inspirasi alam semula jadi dalam membentuk dan mempengaruhi idea penciptaan tradisi bertatu. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dalam perolehan datanya iaitu melalui kajian kerja lapangan dan temu bual bersama informan. Hasil kajian mendapati bahawa tradisi bertatu masyarakat Iban secara dominannya banyak dipengaruhi oleh unsur-unsur alam semula jadi dalam material pembuatannya, nilai estetika pada tatu dan kepercayaan. Kepentingan kajian ini adalah sebagai sebuah usaha bagi mewujudkan satu perspektif ilmu dalam tradisi bertatu dalam budaya masyarakat Iban di Sarawak.

Kata Kunci: Pengaruh Alam Semulajadi, Tradisi Bertatu, Motif, Iban

Abstract

The tattoo tradition is an important component in the culture of the Iban community in Sarawak, especially in portraying the identity of the nation. Its nature serves as a tradition that is used in their daily lives. This research aims to discuss the influence of nature in the culture of the Iban community, especially in the tattoo tradition which has been their tradition for generations. The focus of this study is to discuss and evaluate the inspiration of nature in influencing the idea of creating a tattoo tradition. This study uses a qualitative approach in data acquisition, which is through field work studies and interview with informant. The results of the study found that the tradition tattoo of the Iban community is dominantly influenced by the elements of nature in its creation. The importance of this study is as an effort to create a perspective of knowledge in the tattoo tradition in Iban culture community in Sarawak.

Keywords: *Influence of Nature, Tattoo Tradition, Motifs, Iban*

Pengenalan

Secara umumnya, kajian mengenai alam semula jadi dalam mempengaruhi kebudayaan dan kepercayaan manusia kini bukanlah sebuah penemuan yang baharu dalam bidang antropologi dan sosiologi manusia. Pelbagai pendapat dan teori yang telah diusulkan oleh sarjana dari dunia luar dari pelbagai disiplin ilmu dalam membincangkan etnografi manusia yang mewujudkan ketamadunannya bermula dari alam semula jadi. Manusia sejak pada zaman dahulu telah menggunakan alam semula jadi sebagai sumber kehidupan, baik dari segi memperoleh makanan, berlindung untuk hidup, jaringan pengangkutan, tempat perlindungan, membentuk kebudayaan sehinggalah membawa kepada kewujudan kepercayaan dalam diri manusia. Proses-proses tersebut mengambil masa yang panjang untuk manusia bagi memahami keadaan alam semula jadi melalui proses migrasi, adaptasi dan pemerhatian terhadap persekitaran mereka. Fenomena itu turut diungkap oleh Taufik (2019) berdasarkan Buss (2009) mengatakan pandangan Darwin dalam teori survivalnya iaitu "Bukan spesies yang kuat atau paling cerdas mampu yang mampu bertahan untuk kelangsungan hidup, tetapi spesies yang mampu untuk beradaptasi terhadap perubahan sekeliling". Melalui pernyataan tersebut, diyakini bahawa kebudayaan yang wujud dalam amalan

masyarakat kini adalah dihasilkan dan diperjuangkan oleh generasi-generasi yang mampu untuk beradaptasi dengan lingkungannya dalam membangunkan ketamadunan hidup manusia.

Sejak pada zaman dahulu lagi mencipta adalah naluri semula jadi manusia yang terlahir daripada pengamatan dan pemerhatian terhadap persekitaran mereka. Perkembangan penciptaan tradisi bertatu adalah berlaku dalam tempoh jangka masa pendek dan jangka masa panjang bergantung dengan pengadaptasian sesebuah kumpulan masyarakat tersebut. Fungsi tradisi bertatu juga tidak hanya terbatas kepada sesuatu yang bersifat spiritual sahaja, bahkan turut berupaya menjadi unsur perlindungan diri daripada ancaman musuh dan sebagai manifestasi kepercayaan sesebuah masyarakat. Oleh itu, makalah ini adalah memfokuskan untuk melihat pengaruh alam semula jadi dalam membentuk penciptaan tradisi bertatu masyarakat Iban di Sarawak yang telah menjadi identiti budaya bagi kumpulan etnik terbesar di Negeri Bumi Kenyalang tersebut.

Perbincangan Lepas

Menurut Zapf (2016) berdasarkan Wallace & Armbruster (2001) alam semula jadi adalah suatu entiti yang sangat luas dan amat penting dalam kehidupan manusia. Pengertian alam semula jadi tidak hanya merujuk kepada persekitaran hutan belantara sahaja. Alam semula jadi sebenarnya meliputi landskap yang dibina dan ditanam, elemen semula jadi serta interaksi budaya dengan alam semula jadi. Justeru itu, pengertian alam semula jadi dapat dibahagikan kepada dua iaitu alam semula jadi yang dicipta oleh tuhan (alam biotik) dan persekitaran yang dibentuk dan diubah oleh manusia (alam abiotik).

Alam semula jadi menjadi sebuah pusat pembelajaran bagi umat manusia dalam mengembangkan kebudayaan dan kepercayaan mereka. Menurut Hasanuddin (2015) perbincangan pengaruh alam semula jadi dalam kebudayaan masyarakat di Nusantara telah lama dibincangkan dalam idea-idea kajian-kajian lepas, antara falsafah budaya yang dirasakan dekat dengan kajian ini adalah sebuah kerangka idea yang dipelopori oleh Navis pada tahun 1984 yang mengemukakan idea berdasarkan pepatah Minangkabau iaitu "*alam takambang jadi guru*". Idea tersebut melihat bahawa kewujudan kebudayaan yang diwarisi dan diamalkan oleh masyarakat pada hari ini adalah berawal daripada alam semula jadi yang menjadi penempatan mereka. Navis melihat bahawa

alam semula jadi adalah merupakan tempat yang mengajar manusia dalam mengembangkan kebudayaan mereka dari segi warisan ketara dan tidak ketara.

Kenyataan Navis tersebut turut disokong oleh Adilawati & Noria (2019) mengatakan falsafah alam dalam bahasa dan budaya masyarakat Minangkabau adalah dikaitkan dengan pemikiran Hamka yang mendorong kepada idea-idea Navis. Hamka berfikir bahawa kehidupan manusia dengan alam seperti yang dinyatakan "alam terbentang luas dan manusia hidup di dalamnya". Melalui kurniaan pancaindera dan akal yang boleh berfikir, manusia dapat menyaksikan alam dari segala sudut termasuklah perubahannya dan tingkahlakunya. Pemikiran manusia yang mencapai aras tinggi dalam intelektual mereka telah berupaya mencipta dan mewujudkan kebudayaan ketara dan tidak ketara. Kebudayaan ini telah berkembang dengan pesat sesuai dengan pengembangan tamadun manusia dalam hidup dan telah diwarisi secara generasi ke generasi.

Menurut Storey (2018) berdasarkan kepada Brown (2000) budaya manusia berkembang melalui pengalaman yang dipelajari, diperolehi melalui masyarakat yang tinggal bersama setiap hari. Transisi budaya boleh dipindahkan secara formal dan *informal* iaitu melalui lisan, bukan lisan atau contoh peribadi. Menurut Sunarti (2019) berdasarkan kepada Koentjaraningrat (1975) menyatakan kewujudan budaya adalah didasari kepada tiga kewujudan utama. Pertama, wujud dalam satu kompleks dari idea-idea, norma-norma peraturan dan seumpamanya; kedua wujud sebagai kompleks aktiviti kelakuan berpola dari manusia dan masyarakat; ketiga wujud sebagai benda-benda hasil karya manusia. Selain itu, menurut Kiyai & Tugang (2020) budaya adalah sebuah kepercayaan, nilai-nilai, tingkah laku dan objek kebendaan yang dikongsi bersama oleh sekumpulan penduduk yang tertentu. Kewujudan budaya dapat dibahagikan kepada dua iaitu, budaya kebendaan dan bukan kebendaan. Budaya kebendaan merujuk kepada ciptaan manusia secara nyata dan jelas yang merangkumi segala objek yang dicipta dalam masyarakat seperti bangunan, seni, peralatan, alat permainan, media cetak, dan media elektronik dan objek-objek lain yang tegas dan nyata. Menurut Gerritsen & Riello (2021) budaya bukan kebendaan pula merujuk kepada ciptaan manusia yang tidak nyata dan tidak jelas yang meliputi norma, undang-undang dan kepercayaan suatu kumpulan masyarakat. Budaya sesebuah masyarakat adalah pandangan daripada sekumpulan idea dan kebiasaan yang dipelajari, dimiliki, dan diwariskan daripada generasi ke generasi.

Metodologi

Kaedah kajian ini adalah berbentuk etnografi yang memfokuskan kepada pengaruh alam semula jadi dalam tradisi bertatu masyarakat Iban di Sarawak. Pengumpulan data bagi penyelidikan ini adalah menggunakan tiga kaedah utama iaitu kajian kerja lapangan, pemerhatian dan temu bual.

Pengkaji telah melakukan kerja lapangan ke dua tempat iaitu Dayak Bidayuh National Association, BorneoHeadhunter Tattoo & Piercing Studio dan rumah-rumah panjang yang menjadi penempatan masyarakat Iban. Kerja-kerja lapangan ini dijalankan secara berfasa dan beberapa daerah seperti daerah Kuching, Sri Aman, Betong, Lubok Antu dan Sarikei telah dipilih sebagai lokasi kajian. Tempoh masa kerja lapangan ini adalah dijalankan selama lima bulan iaitu bermula pada bulan Jun 2022 sehingga awal Oktober 2022. Umumnya, masyarakat Iban itu adalah bersifat homogen (sejenis) iaitu tidak memiliki suku-suku tertentu namun dibezakan berdasarkan kepada batang sungai yang menjadi penempatan mereka pada hari ini. Dalam penyelidikan ini, penyelidik telah memilih kumpulan-kumpulan masyarakat Iban dari Batang Lupar (Sri Aman), Batang Saribas (Betong), Batang Ai (Lubok Antu) dan Bilak Sedik (Migrasi Iban yang baharu). Tujuannya adalah untuk mendapatkan pelbagai variasi data dan pandangan masyarakat Iban berdasarkan kepada batang sungai (identifikasi masyarakatnya) terhadap tradisi bertatu yang menjadi kebudayaan mereka sejak turun temurun.

Dalam penyelidikan ini, penyelidik telah melakukan kaedah pendokumentasian di Dayak Bidayuh National Association, BorneoHeadhunter Tattoo & Piercing Studio dan rumah panjang masyarakat Iban. Proses pendokumentasian ini memfokuskan kepada tiga fokus utama iaitu pengaruh alam semula jadi dalam tradisi bertatu masyarakat Iban serta fungsi tradisi bertatu dalam kebudayaan Iban. Kaedah pendokumentasian ini dilakukan dengan menggunakan kamera DSLR (*digital single-lens reflex*) dan kamera telefon pintar jenama OPPO A57. Selain mendokumentasi imej-imej berkaitan dengan motif tatu Iban, pendokumentasian menggunakan kamera turut merakamkan gambar penyelidik bersama-sama informan semasa melakukan kaedah temubual. Gambar-gambar tersebut telah diambil secara rawak atau diambil secara teratur. Penyiaran gambar wajah informan juga telah melalui persetujuan dan kebenaran dari mereka untuk tujuan penyelidikan dan penerbitan.




Foto 1: Dayak Bidayuh National Association, Kuching 2022


Sumber: Koleksi Penulis (2022).

Bagi kaedah temubual telah dijalankan secara berkumpulan iaitu memfokuskan kepada golongan masyarakat Iban yang tinggal di rumah panjang. Pemilihan informan adalah berdasarkan kepada dua kategori iaitu pemegang adat yang terdiri daripada seorang *Lemambang* (pendeta), seorang Penghulu kampung, seorang *Tuai Rumah* (ketua rumah panjang), seorang *Tuai Beburung* (golongan pakar ritual Iban). Kumpulan pertama ini adalah merupakan individu yang mahir dan sering dijadikan rujukan oleh masyarakat Iban di rumah panjang berkaitan dengan adat istiadat Iban. Selain itu, informan seperti *Lemambang* dan golongan pembuat tatu dikatakan '*mabu antu*' (dekat dengan dunia ghaib), di mana mereka berperanan sebagai pengantara utama dalam komunikasi masyarakat Iban dengan dunia ghaib dan mengetahui setiap upacara ritual seperti *Begawai* dan *Miring*.

Sebanyak 8 orang kumpulan informan yang telah ditemubual berusia dari anggaran umur 34 tahun dan ke atas. Kumpulan-kumpulan ini adalah merupakan individu yang pernah menghasilkan serta mengetahui tentang kebudayaan tradisi bertatu Iban berdasarkan fungsi, pantang-larang dan signifikannya dalam hidup masyarakat Iban. Selain itu, sesetengah dari mereka mempunyai pengetahuan berkaitan tradisi bertatu Iban dari sudut sejarahnya, tradisi lisan dan fungsinya pada masa lampau. Mereka mendapatkan maklumat tersebut melalui ingatan memori yang diceritakan oleh datuk nenek atau ibu bapa mereka terdahulu berdasarkan kepada kaedah pengumpulan data secara kolektif memori.



Rajah 1: Proses pengumpulan data berdasarkan memori manusia



Rajah 2: Hubungan alam semula jadi dan tradisi bertatu Iban

Pengumpulan data secara kolektif memori menurut Halbwachs (2020) kolektif memori adalah satu ingatan kolektif yang pada dasarnya merupakan penyusunan semula masa lalu dan menyesuaikan imej, kepercayaan, dan pengalaman tersebut dalam masa kini. Penggunaan konsep kolektif memori berdasarkan kepada Cotterrell (2017) yang berpendapat bahawa memori manusia dapat diturunkan dalam pelbagai bentuk iaitu melalui memori refleksi, memori generasi dan memori tradisi telah menjadi asas kepada pengumpulan data di lapangan. Pengumpulan data temu bual tersebut telah menggunakan teknik criterion sampling iaitu kaedah pemilihan informan yang bertujuan untuk mendapatkan informan yang sesuai dengan kriteria yang

ditetapkan oleh penyelidik iaitu pengetahuan tradisi bertatu Iban dari sudut sejarahnya, tradisi lisan dan kegunaannya pada zaman dahulu.



Foto 2: Pengkaji Melakukan Temubual Bersama Dengan Informan Uma Kujat (78 tahun).

Sumber: Koleksi Penulis (2022).

Dapatan dan Perbincangan

Hubungan alam semula jadi dengan kebudayaan masyarakat Iban telah lama dibincangkan oleh penyelidik dalam ilmu antropologi. Bagi masyarakat Iban di Sarawak, mereka telah membangunkan kebudayaan nenek moyang ini sejak ratusan tahun yang lalu dengan menerima pengaruh yang sangat dominan daripada alam semula jadi yang menjadi tempat tinggal mereka. Pengaruh alam semula jadi dalam tradisi bertatu masyarakat Iban di Sarawak dapat diperhatikan kepada tiga elemen budaya iaitu material dan pembuatannya, estetika seni dan kepercayaan masyarakatnya berdasarkan kepada rajah 2 iaitu hubungan alam semula jadi dengan tradisi bertatu masyarakat Iban. Hasil dari hubungan tersebut telah mengajar masyarakat Iban untuk membangunkan tradisi bertatu berdasarkan kepada kearifan tempatan

mereka iaitu dalam memilih material dan teknologi pembuatannya berdasarkan hidupan alam semula jadi. Hubungan di antara masyarakat Iban dengan alam semula jadi telah mengembangkan minda mereka dalam berkeaktiviti untuk menghasilkan estetika seni terhadap objek yang dicipta bagi menyuntik elemen-elemen keindahan, cantik dan menarik. Idea-idea tersebut telah dikembangkan menjadi lebih besar iaitu telah memasukkan unsur-unsur kepercayaan yang bersifat sakral dan mistik bagi menjadikan tradisi bertatu tersebut berfungsi secara penuh dalam amalan masyarakatnya. Idea-idea dalam kepercayaan tersebut telah diadaptasi daripada elemen-elemen alam semula jadi dan telah diceritakan secara turun-temurun oleh nenek moyang masyarakat Iban.

Material dan Pembuatan

Pada zaman dahulu, masyarakat Iban membangunkan kearifan tradisi mereka melalui pemanfaatan dan penggunaan sumber-sumber alam semula jadi sebagai material pembuatan terhadap penciptaan tradisi bertatu. Ini kerana kehidupan masyarakat Iban di Sarawak memperlihatkan kekayaan sumber alam semula jadi seperti kayu-kayan dan sumber galian. Sehubungan dengan itu, masyarakat Iban memanfaatkan sumber-sumber alam semula jadi tanpa mengeksploitasinya secara besar-besaran untuk digunakan dalam kehidupan seharian mereka. Dalam erti kata lain, masyarakat Iban menggunakan alam semula jadi bagi memenuhi keperluan utama serta mengelakkan pembaziran, menghormati anugerah daripada *Petara* serta memastikan keseimbangan alam terhadap mengecapi keharmonian mereka. Selain itu, ia juga memperlihatkan kearifan tradisi masyarakat Iban dalam menjaga keseimbangan dan mentadbir alam semula jadi sebaiknya sebagai suatu amanah daripada Maha Pencipta.

Kearifan tradisi masyarakat Iban dalam membangunkan sumber-sumber alam semula jadi sebagai material pembuatan dalam tradisi bertatu adalah dilihat dari aspek sakral dan bukan sakral. Ini kerana ia didasari kepada amalan kepercayaan warisan dan kosmologi masyarakat Iban. Mereka percaya bahawa setiap benda hidup atau bukan hidup yang terdapat di persekitaran mereka mempunyai roh atau semangat tertentu. Justeru itu, penghasilan tradisi bertatu oleh masyarakat Iban yang memanfaatkan sumber-sumber daripada alam semula jadi sebagai material pembuatan dipercayai mempunyai kaitan dengan kepercayaan warisan dan kosmologi mereka. Ini kerana sekiranya masyarakat Iban kurang memahami sifat-sifat alam semula

jadi, maka mereka tidak akan mencapai perkembangan pengetahuan dan mengecapi proses kemajuan hidup.

Lazimnya, masyarakat Iban membangunkan material pembuatan tatu dengan menggunakan hidupan alam semula jadi yang terdapat di persekitaran mereka seperti kayu belian, cecair daripada jelaga padi, serbuk arang daripada abu kayu yang dibakar, duri daripada pokok jeruk dan dedaun. Masyarakat Iban belajar menggunakan dan memanfaatkan hidupan alam semula jadi seperti flora dan fauna ini untuk dijadikan material yang digunakan untuk mencacah tatu. Selain itu, penerapan nilai seni dan estetika yang terdapat pada tradisi seni tatu masyarakat Iban juga terinspirasi daripada hidupan-hidupan alam semula jadi yang terdapat di persekitaran mereka. Perkara ini diperlihatkan daripada pemikiran masyarakat Iban dalam mengadaptasikan motif-motif tatu mereka berdasarkan hidupan flora dan fauna yang terdapat di persekitaran mereka. Selain itu, nama-nama dan sifat bagi setiap tatu Iban juga diberikan berdasarkan kepada hidupan alam semula jadi tersebut. Masyarakat Iban juga mengadaptasi kisah-kisah *Petara*, dewa-dewi, *Antu* dan roh dalam kepercayaan mereka sebagai tanda bahawa mereka mempercayai kewujudan kuasa-kuasa luar biasa tersebut dalam pengamalan budaya bertatu. Ini kerana masyarakat Iban percaya bahawa alam semula jadi yang didiami oleh mereka merupakan ciptaan daripada *Petara* yang mempunyai kuasa luar biasa yang lebih hebat daripada mereka. Justeru itu, masyarakat Iban menggunakan hasil alam semula jadi untuk dijadikan sebagai material dalam pembuatan tatu mereka.

Konsep material pembuatan adalah merupakan satu bentuk pemeliharaan terhadap tradisi seni tatu masyarakat Iban. Sebagai contoh, tradisi pembuatan tatu tradisional yang dilakukan oleh golongan pakar pembuat tatu Iban. Langkah ini dilakukan bertujuan untuk menjaga dan memelihara tradisi seni tatu dalam budaya masyarakat Iban bersesuaian dengan kefahaman dan ilmu yang dimiliki oleh mereka. Menurut informan Louis Samai, masyarakat Iban mempunyai teknik pembuatan tatu tradisional yang tersendiri dalam kebudayaan mereka iaitu dikenali sebagai teknik ketukan (Louis Samai, 3 Februari 2022). Teknik ketukan ini menggunakan jarum yang diikat pada bahagian hujung sebatang kayu belian yang telah dipotong. Manakala terdapat sebatang kayu lagi digunakan untuk melakukan ketukan pada kayu yang mempunyai jarum dicelup ke dalam dakwat tatu. Menurut informan Kenny Merdan, dalam proses pembuatan tatu

menggunakan teknik tradisional ini, pembuat tatu akan melakukan pukulan ringan pada bahagian permukaan kulit dengan jarum yang dicelup pada dakwat bagi menghasilkan motif tatu (Kenny Merdan, 3 Februari 2022). Pembuatan tatu menggunakan dakwat yang diperbuat daripada jelaga ini akan direbus dalam air tebu dalam tempoh yang lama. Kemudian, ia akan dibiarkan selama beberapa hari untuk mengalami proses penapaian. Tradisi pembuatan dakwat tatu menggunakan teknik tradisional ini merupakan satu kaedah bagi memelihara kualiti dan ketahanan dakwat tatu yang dihasilkan pada zaman dahulu. Ini kerana dakwat tatu yang dicacah pada permukaan kulit seseorang adalah bersifat kekal dan sukar untuk dihilangkan. Kaedah ini merupakan satu bentuk tradisi pembuatan tatu yang perlu dikekalkan kerana ia dilihat mempunyai ciri-ciri asal pada awal penciptaan tradisi bertatu masyarakat Iban pada zaman dahulu (Robinson Unau Gaong, 3 Februari 2022).

Nilai-nilai kebudayaan masyarakat Iban ini dominan dipengaruhi oleh teknik pembuatan tatu tradisional berdasarkan kepercayaan warisan yang diamalkan oleh nenek moyang mereka. Secara umumnya, penghasilan motif tatu menggunakan kaedah tradisional ini masih menjadi tarikan daripada sesetengah pelanggan dan golongan individu yang ingin memiliki tatu pada zaman sekarang menurut informan Ernesto Kalum Umpie (52 tahun). Ini kerana teknik pembuatan tatu secara tradisional lebih halus dan teliti serta melibatkan intuisi dalaman oleh pembuat tatu dipercayai dapat memberikan aura sakral budaya masyarakat Iban kepada golongan individu yang dicacah tatu tersebut. Selain itu, penggunaan motif-motif tatu Iban yang dijadikan sebagai motif utama yang dicacah pada bahagian badan merupakan satu langkah yang sesuai bagi memastikan tradisi bertatu masyarakat Iban kekal terpelihara pada zaman sekarang menurut informan (Andy Austin, 31 Januari 2022). Justeru itu, dalam aspek pemeliharaan tradisi bertatu Iban adalah dengan menekankan elemen kebudayaan dan kepercayaan berdasarkan kepada idea dan falsafah masyarakat Iban. Proses ini dilakukan bertujuan untuk mengekalkan nilai-nilai tradisi dalam pembuatan tatu masyarakat Iban bagi memastikan keaslian budayanya terpelihara.

Seiring dengan peredaran zaman dan globalisasi, teknologi pembuatan tatu dalam budaya masyarakat Iban juga dilihat semakin berkembang iaitu dengan penggunaan mesin dalam penghasilannya berdasarkan kepada pendapat informan Richie Vikendall (3 Februari 2022). Teknologi dalam pembuatan tatu Iban pada zaman sekarang

dilihat lebih mengutamakan kebersihan dalam aspek penghasilan dakwat tatu dan proses mencacah tatu. Proses pembuatan tatu Iban menggunakan teknik moden ini dilihat lebih menjimatkan masa dan membantu proses cacahan dengan lebih kemas. Di samping itu, kebersihan peralatan yang digunakan untuk mencacah tatu juga amat dititikberatkan oleh golongan pembuat tatu. Sebagai contoh, penggunaan cecair alkohol yang digunakan untuk membersihkan peralatan yang digunakan untuk membuat tatu, penggunaan sarung tangan plastik semasa melakukan kegiatan mencacah tatu, dan penggunaan ubat bius yang diberikan pada golongan individu yang dicacah tatu. Dengan adanya prosedur seperti ini, ia dapat mengurangkan risiko untuk memudaratkan golongan individu yang dicacah dengan tatu tersebut mengalami kesakitan semasa kegiatan mencacah tatu dilakukan dan kualiti penghasilan tatu juga dapat dilakukan dengan lebih mudah. Ini kerana konsep pengamalan budaya bertatu pada zaman sekarang adalah berfungsi sebagai perhiasan dan juga pengkomersialan. Walaupun tradisi pembuatan tatu Iban pada zaman sekarang telah mengalami perubahan dalam pelbagai aspek, matlamat asal tradisi seni tatu tersebut masih lagi memperlihatkan identiti asal kebudayaan masyarakat Iban dari segi rekaan motif dan maksud asalnya.




Foto 3: Informan Robinson Unau Gaong (44) mencacah tatu menggunakan mesin iaitu teknik moden
Sumber: Koleksi Penulis (2022).



Foto 4: Informan Louis Samai (34) melakukan proses mencacah tatu menggunakan teknik tradisional

Sumber: Koleksi Penulis (2022).

Estetika Seni dalam Tradisi Bertatu Iban

Masyarakat Iban sering memerhati persekitaran alam semula jadi lalu menghubungkan dengan konsep kosmologi dan kepercayaan tradisional dalam mencari dan mengembangkan idea untuk mengarap nilai kesenian dalam penciptaan tradisi bertatu mereka. Hubungan yang akrab di antara masyarakat Iban dengan alam semula jadi menimbulkan inspirasi untuk menghasilkan tradisi budaya yang indah daripada bahan-bahan alam semula jadi yang hidup berdekatan dengan penempatan mereka. Berasaskan sumber inspirasi ini jugalah masyarakat Iban mencipta dan menghasilkan material pembuatan, rekaan motif, corak dan pola yang pelbagai serta cantik sifatnya. Elemen-elemen seni yang diterapkan dalam penghasilan tradisi bertatu adalah berdasarkan kepada falsafah, bentuk serta corak yang dirasakan mempunyai estetika yang tinggi dalam budaya Iban. Elemen seni yang sangat menonjol dalam penciptaan tradisi bertatu Iban adalah motif. Melalui penyelidikan ini kategori motif yang dirasakan menonjol dalam penciptaan tradisi bertatu Iban adalah motif *Zoomorps*.

Menurut Klinsing & Usop (2020) motif *Zoomorps* (motif berunsurkan haiwan) adalah berkait rapat dengan kepercayaan masyarakat Iban terhadap kewujudan haiwan-haiwan sakral dalam kebudayaan mereka. Corak dan ragam hias haiwan-haiwan tersebut

mempunyai makna dan maksud yang tersendiri dalam kebudayaan masyarakat Iban dalam menjadi penanda dan petanda. Corak serta simbol haiwan yang dipercayai oleh masyarakat Iban memiliki kuasa luar biasa mempunyai hieraki yang tersendiri menurut informan Uma Kujat (78 tahun). Heriarki tersebut adalah ditentukan oleh kekuatan dan kesakralan haiwan-haiwan tersebut dalam tradisi lisan yang diturunkan oleh masyarakat Iban. Beberapa contoh motif yang dapat dilihat dalam tradisi bertatu Iban adalah seperti *Nabau* (ular yang berukuran besar), *Remaung* (harimau berbadan manusia), *Kala Pah* (kala jengking), *Kera Nyangkam* (monyet), *Ketam Itit* (ketam), *Kesulai* (rama-rama) dan Burung Kenyalang.



Foto 5: Motif tatu Kala Pah (kala jengking)

Sumber: Koleksi Penulis (2022).



Foto 6: Motif tatu *Kera Nyangkam* (Monyet)
Sumber: Koleksi Penulis (2022).



Foto 7: Motif tatu *Nabau* (Ular bersaiz besar)
Sumber: Koleksi Penulis (2022).



Foto 8: Motif tatu *Ketam Itit* (Ketam Itik)

Sumber: Koleksi Penulis (2022).



Foto 9: Motif Tatu Naga

Sumber: Koleksi Penulis (2022).

Menurut informan Sylvester Juli, motif *Zoomorps* dianggap motif tatu yang bersifat hidup dan sakral (Sylvester Juli, 3 Februari 2022). Pencacahan motif-motif tatu ini hanya dilakukan oleh individu yang telah diiktiraf taraf kemahirannya dalam sosial masyarakat Iban. Sekiranya dilakukan oleh individu yang belum mencapai status mahir, maka roh yang terdapat dalam motif tersebut akan meminta nyawa mereka sebagai ganti. Selain itu, beliau menegaskan dalam penghasilan motif-

motif sakral ini terdapat pantang larang yang harus diikuti. Ini kerana pencacahan motif tatu yang mempunyai nilai motif yang tinggi ini dikhuatiri akan memudaratkan golongan pembuat tatu dan juga individu yang dicacah tatu yang masih belum mencapai tahap status mahir dan layak menerima motif tatu tersebut kerana mereka dikategorikan sebagai golongan yang *alah ayu* (lemah semangat). Oleh itu, golongan individu yang ingin melakukan kegiatan mencacah tatu perlu mendapatkan nasihat daripada golongan pakar ritual terlebih dahulu kerana mereka lebih mahir dalam mentafsir mimpi dan alamat serta petanda bagi individu yang ingin dicacah tatu.

Selain itu, penghasilan motif-motif ini adalah diperolehi dari mimpi yang diberikan oleh *Petara* (tuhan), dewa-dewi atau *Antu* (roh). Menurut informan Datuk Sri Edmund Langgu kewujudan mimpi dalam budaya dan amalan masyarakat Iban adalah berkait dengan perintah dan peringatan dari pada alam ghaib (Datuk Sri Edmund Langgu, 23 September 2023). Contohnya dalam pembuatan tatu, golongan pencacah tatu dipercayai akan datangi oleh dewa Iban seperti Dewa *Keling* dan *Laja* yang membawa perintah kepada mereka untuk mencacah motif tatu yang tinggi seperti motif *Nabau* (ular besar) atau motif naga kepada individu yang mengalami mimpi bertemu dengan *Petara* berdasarkan kepada tafsiran daripada *Lemambang*. Perintah tersebut haruslah dilaksanakan dan dituruti bagi menjaga emosi kuasa-kuasa luar biasa tersebut agar tidak mendatangkan bencana kepada masyarakat Iban di rumah panjang. Bagi masyarakat Iban yang didatangi oleh kuasa-kuasa luar biasa dari alam ghaib melalui mimpi selalunya dianggap bertuah dalam kepercayaan Iban, kerana mereka dipilih untuk diberi petanda atau *pengaroh* (azimat) daripada *Petara*, dewa-dewi, *antu*, dan semangat. Masyarakat Iban yang sering didatangi oleh alam ghaib melalui mimpi akan digelar sebagai *mabu antu* (dekat dengan alam ghaib). Dikatakan, ilmu yang dimiliki oleh masyarakat Iban dahulu adalah diperolehi oleh mereka menerusi mimpi, khasnya kepakaran dalam mencipta tradisi bertatu sebagai warisan budaya tidak ketara dalam kebudayaan Iban (Uma Kujat, 78 tahun).

Kepercayaan

Masyarakat Iban percaya bahawa tradisi bertatu yang diamalkan dalam budaya mereka mampu membantu pemiliknya jika dijaga dan dipuja melalui amalan dan kepercayaan masyarakatnya. Menurut informan Ernesto Kalum Umpie dalam budaya Iban nilai kesakralan artifak adalah

bergantung dengan tingkat motif yang dihasilkan sebagai elemen seni dalam tradisi bertatu (Ernesto Kalum Umpie, 2 Februari 2022). Lazimnya, motif-motif tatu tertentu yang didapati daripada pesanan kuasa-kuasa luar biasa dari alam ghaib melalui mimpi merupakan motif tatu yang dianggap sakral dan digunakan bagi tujuan ritual. Motif-motif tatu yang diberikan oleh *Petara* dari alam ghaib merupakan motif yang hidup dan bernyawa. Rekaan motif tatu ini haruslah selalu dipuja dan diberi persembahan makanan bagi menjaga nilai kesakralannya (Robinson Unau Gaong, 3 Februari 2022).

Menurut informan Uma Kujat, tradisi bertatu yang diciptakan oleh masyarakat Iban sangat cenderung dengan unsur-unsur mistik dan sakral (Uma Kujat, 31 Januari 2022). Masyarakat Iban tidak menciptakan sesuatu tradisi budaya tersebut secara sengaja atau tanpa mempunyai tujuan yang khusus tetapi berdasarkan kepada keperluan dan kepercayaan mereka yang mendasari kefahaman kosmologi Iban. Konsep penciptaan tradisi bertatu Iban masih berpaksikan kepada pandangan tradisional iaitu mereka mempercayai bahawa memiliki tatu pada badan dalam kehidupan mereka pada hari ini adalah merupakan anugerah daripada *Petara* (tuhan) dan telah diamalkan oleh mereka sejak turun-temurun (Unsa Meringai, 31 Januari 2022).

Sebagai contoh, golongan pahlawan Iban yang berjaya memenangi pertempuran menentang musuh akan kembali ke rumah panjang mereka akan disambut oleh seluruh penduduk di rumah panjang di *ruai* (ruang tengah yang dikongsi oleh seluruh penduduk rumah panjang). Pada masa tersebut, golongan pahlawan Iban akan mencacah tatu pada bahagian tangan mereka bagi menandakan bahawa mereka berjaya memenggal dan membawa pulang kepala pihak musuh yang dibunuh oleh mereka di medan peperangan. Dalam konteks ini, masyarakat Iban memahami bahawa setiap perkara yang baik harus dirayakan dengan melakukan perlaksanaan *Gawai*. Menurut informan Datuk Sri Edmund Langgu (87 tahun), ritual atau disebut sebagai '*Gawai*' dalam Bahasa Iban adalah bermaksud untuk merayakan untuk pelbagai perkara seperti kemenangan, keberuntungan, memohon tuah dan menghindari malapetaka. Konsep *Gawai* dalam konteks kebudayaan Iban adalah dilakukan berdasarkan kepada tingginya status upacara yang hendak dirayakan. Perkara ini haruslah mendapatkan nasihat dan rujukan daripada para pakar budaya Iban seperti *Lemambang* dan *Tuai Burung* berkaitan dengan tempoh dan masa sambutan, perlaksanaan *Gawai* dan pantang larang dalam menyambut *Gawai*. Tujuan *Gawai* adalah untuk mengadakan sambutan bagi meraikan golongan pahlawan

Iban yang kembali dari medan perang tersebut dengan melakukan upacara *Miring*. Selain itu, ritual ini bertujuan untuk memandangkan keindahan motif tatu tersebut dengan melagukan ayat-ayat pujian kepada tuhan, dewa-dewi dan roh nenek moyang atas pemberian kepandaian, idea dan keberanian hati untuk menghasilkan motif-motif yang indah dan berkuasa (Datuk Sri Edmund Langgu, 23 September 2023).

Ritual *Gawai* sangat penting dalam kebudayaan masyarakat Iban sebagai tanda mengalu-alukan sesuatu yang membawa perkara-perkara yang baik ke dalam rumah (Unsa Meringai, 31 Januari 2022). Contohnya, semasa mengadakan *Gawai Kenyalang* iaitu upacara *Gawai* yang paling tinggi dalam kebudayaan Iban bagi tujuan melaksanakan perintah dari alam ghaib serta mengharuskan individu yang dipilih melalui mimpi untuk mencipta sebuah ukiran patung burung Kenyalang. Patung Kenyalang yang telah siap diukir akan diarakkan di rumah panjang dan masuk ke setiap bilik secara bergiliran beberapa hari. Setiap bilik yang dimasuki oleh patung kenyalang tersebut akan memberikan duit lalu disertakan dengan ayam, bersa dan beberapa keperluan lain untuk membantu individu yang melaksanakan *Gawai Kenyalang*. Tujuannya adalah untuk meminta keberkatan dan perlindungan dari pada Dewa *Sengalang Burung* iaitu ketua panglima perang di alam ghaib. Pesta *Gawai Kenyalang* ini akan dilakukan selama tujuh hari tujuh malam sehinggalah patung kenyalang ini akan dilekatkan di tiang sandung bagi menjaga kawasan dan sekitar rumah panjang daripada nasib buruk yang dibawa oleh *Antu*. Menurut kepercayaan Iban, semua yang hadir ke pesta *Gawai Kenyalang* bukan hanya dalam kalangan manusia sahaja, tetapi roh seperti *Antu* juga akan turut sama-sama berkunjung untuk berpesta. Jadi untuk mengelakkan hantu yang datang mengganggu manusia, maka acara sabung ayam akan dilakukan oleh penduduk kampung namun tidak melibatkan pertaruhan wang ringgit, tetapi hanya bersifat hiburan semata-mata.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya alam semula jadi secara dominan telah mempengaruhi kebudayaan dan amalan masyarakat Iban tradisional terutamanya dalam aspek penciptaan tradisi bertatu dalam budaya mereka. Hasil penyelidikan ini jelas menyatakan bahawa pengaruh alam terhadap tradisi bertatu masyarakat Iban dapat diperhatikan dalam tiga

elemen yang telah dinyatakan oleh pengkaji seperti pada rajah 1 iaitu dari aspek material dan pembuatan, estetika seni pada objek budaya dan kepercayaan mereka terhadap kuasa-kuasa ghaib yang mendiami alam semula jadi. Oleh itu, melalui penyelidikan ini diharapkan akan dapat membantu dalam mengembangkan ilmu-ilmu budaya mengenai masyarakat peribumi di Sarawak khususnya masyarakat Iban dalam memberikan kefahaman mengenai tradisi bertatu yang diwarisi sebagai warisan tidak ketara yang menjadi simbol identiti mereka.

Senarai Rujukan

Buku dan Jurnal

- Anderson, J. (2021). *Understanding Cultural Geography: Places and Traces*. London: Routledge.
- Appell, G. N. (2001). *Iban Studies: Their Contribution to Social Theory and The Ethnography of Other Borneo Societies*. The encyclopedia of Iban Studies: Iban history, society and culture.
- Appell, G. N. (2001). *Iban Studies: Their Contributions to Social Theory and the Ethnography of Other Borneo Societies*. In, Joanne and Vinson H. Sutlive. *The Encyclopaedia of Iban Studies*. Volume III. Kuching: Tun Jugah Foundation in cooperation with the Borneo Research Council, Inc.
- Asri, A., & Tugang, N. (2020). Parang Ilang Sebagai Interpretasi Falsafah Alam Takambang Jadi Guru Dalam Budaya Masyarakat Iban. *Asian People Journal* (Apj). 3(1): 1-18.
- Beginida, P., & Bala, B. (2018). Pengaruh Demografi terhadap Perubahan Sosio-Politik Orang Iban di Sarawak. *SUSURGALUR*. 6(1): 43-60.
- Buss, D. M. (2009). The great struggles of life: Darwin and the emergence of evolutionary psychology. *American psychologist*. 64(2): 140-148.
- Cotterrell, R. (2017). *Law, Culture and Society: Legal Ideas in The Mirror of Social Theory*. London: Routledge.
- Halbwachs, M. (2020). *On collective memory*. Chicago: University of Chicago Press.
- Hasanuddin, W. S. (2015). Kearifan Lokal dalam Tradisi Lisan Kepercayaan Rakyat Ungkapan Larangan Tentang Kehamilan, Masa Bayi, dan Kanak-Kanak Masyarakat Minangkabau Wilayah Adat Luhak Nan Tigo. *KEMBARA: Jurnal Keilmuan Bahasa, Sastra, dan Pengajarannya*. 1(2): 198-204.

- Kiyai, G., Tugang, N., & Seer, O. (2020). Ngajat Iban: A Cultural Study. *KUPAS SENI: Jurnal Seni dan Pendidikan Seni*. 8(2): 70-83.
- Klinsing, J., & Usop, C. (2020). The Iban's Community perceptions of Pua Sungkit Weaving at Batang Ai. *KUPAS SENI: Jurnal Seni dan Pendidikan Seni*. 8(2): 21-43.
- Koentjaraningrat. (1975). *Introduction to the Peoples and Cultures of Indonesia and Malaysia*. Menlo Park, California: Cummings Publishing Company.
- Saging, S., & Baco, Z. (2022). Simbolik Motif-Motif tatu Tradisional Iban di Lubuk Antu, Sri Aman, Sarawak. *Jurnal Borneo Arkhailogia (Heritage, Archaeology and History)*. 7(1): 155-172.
- Sellato, B. (2017). *Material Culture Studies and Ethnocultural Identity. In Borneo Studies in History, Society and Culture*. Singapore: Springer.
- Storey, J. (2018). *Cultural Theory and Popular Culture: An Introduction*. London: Routledge.

Temu Bual

- Andy Austin. 45 Tahun. Pembuat Tatu Iban. 31 Januari 2022.
- Datuk Sri Edmund Langgu. 88 Tahun. Tokoh Politik dan Pakar Kebudayaan Iban. 23 September 2023.
- Ernesto Kalum Umpie. 52 Tahun. Pembuat Tatu Iban. 2 Februari 2022.
- Kenny Merdan. 42 Tahun. Pembuat Tatu Iban. 3 Februari 2022.
- Richie Vikendall. 36 Tahun. Pembuat Tatu Iban. 3 Februari 2022.
- Robinson Unau Gaong. 44 Tahun. Pembuat Tatu Iban. 3 Februari 2022.
- Sylvester Juli. 51 tahun. Pembuat Tatu Iban. 3 Februari 2022.
- Uma Kujat. 78 Tahun. *Tuai Beburung* (Pentafsir Petanda dan Alamat dalam Kebudayaan Iban. 31 Januari 2022.
- Unsa Meringai. 69 Tahun. *Lemambang* (Pakar ritual Iban). 31 Januari 2022.
- Louis Samai. 34 Tahun. Pembuat Tatu Iban. 3 Februari 2022.